

Keputusan dan Cabaran Monopoli Hak Menjual Garam oleh Keluarga Koo di Taiwan sebelum Perang Dunia Kedua

The Importance and Challenges of the Monopoly Right to Sell Salt by the Koo Family In Taiwan Before the Second World War

TAN SOON CHIN* & ADNAN JUSOH

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Corresponding author: tansoonchin13@gmail.com

Received: 6 October 2022 Accepted: 12 February 2023

Abstrak

Artikel ini memfokuskan tentang kepentingan dan cabaran monopoli hak menjual garam yang dimiliki oleh Keluarga Koo di Taiwan sebelum Perang Dunia Kedua merangkumi tempoh 1895 hingga 1930. Hal ini disebabkan naratif monopoli hak menjual garam di Taiwan oleh Keluarga Koo kurang dibincangkan oleh para sarjana disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah kekurangan sumber. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan kepentingan dan perkembangan monopoli hak menjual garam oleh Keluarga Koo di negara Taiwan sepanjang tempoh kajian. Penelitian ini menerapkan kaedah tafsiran sejarah dengan membuat analisis terhadap sumber primer yang terdapat di *The Archives of Institute of Taiwan History*, *The Institute of Qing History* di China dan *National Central Library* di Taiwan. Di samping itu, penelitian juga dilakukan dengan menelaah sejumlah buku, artikel, dan akhbar untuk memantapkan penulisan ini. Hasil kajian mendapati monopoli hak menjual garam yang diperoleh oleh Keluarga Koo di Taiwan adalah disebabkan oleh hubungan baik dengan pemerintah Jepun. Malahan, kerajaan Jepun turut memperuntukkan subsidi kepada Keluarga Koo untuk membaiki tanah garam yang musnah akibat hujan lebat dan angin kencang yang berlaku pada tempoh itu. Keadaan ini secara tidak langsung telah membantu Keluarga Koo mempertahankan monopoli hak menjual garam yang dimiliki. Walau bagaimanapun, Keluarga Koo juga turut menghadapi cabaran dalam monopoli hak menjual garam apabila kos yang besar diperlukan untuk memulihkan tanah garam yang rosak. Justeru itu, tulisan ini sangat penting kepada orang awam khususnya dalam memahami strategi perniagaan Keluarga Koo untuk memonopoli hak menjual garam di Taiwan sebelum Perang Dunia Kedua.

Kata kunci: Keluarga Koo; Perang Dunia Kedua; monopoli; hak menjual garam; Taiwan

Abstract

This article focuses on the importance and challenges of the monopoly of the right to sell salt owned by the Koo Family in Taiwan before the Second World War covering from year 1895 to 1930. This is because the narrative of the monopoly of the right to sell salt in Taiwan by the Koo Family is less discussed by scholars due to several factors, among which is the lack of resources. The objective of this article is to discuss the importance and development of the monopoly of the right to sell salt by the Koo Family in Taiwan throughout the study period. This research applies the method of historical interpretation by analyzing the primary sources found in *The Archives of Institute of Taiwan History*, *The Institute of Qing History* in China and the *National Central Library* in Taiwan. In addition, research is also done by reviewing books, articles, proceedings, and newspapers to strengthen this writing. The results of the study found that the monopoly of the right to sell salt obtained by the Koo Family in Taiwan was due to good relations with the Japanese government. In fact, the Japanese

government also allocated a subsidy to the Koo Family to repair the salt soil that was destroyed by the heavy rains and strong winds that occurred during that period. This situation has indirectly helped the Koo Family to defend the monopoly of the right to sell the salt they own. However, the Koo Family also faced challenges in monopolizing the right to sell salt when huge costs were required to restore the damaged salt land. Therefore, this writing is very important to the general public especially in understanding the business strategy of the Koo Family to monopolize the right to sell salt in Taiwan before the Second World War.

Keywords: Koo family; Second World War; monopoly; right to sell salt; Taiwan

Pengenalan

Asas perniagaan Keluarga Koo sebenarnya telah bermula di Pulau Pinang pada tahun 1786 dengan menggunakan nama Keluarga Koh. Perkataan Koh bertukar menjadi Koo disebabkan sebutan dan ejaan Cina di Taiwan yang mengikut sistem bunyi bacaan. Oleh itu, waris Keluarga Koo di Pulau Pinang menggunakan Koh sebagai nama keluarga manakala waris di Taiwan menggunakan nama keluarga Koo. Ringkas kata Keluarga Koh dan Keluarga Koo merupakan keluarga yang sama dalam perbincangan artikel ini.

Tahun 1895 merupakan tahun transformasi bagi perniagaan Keluarga Koo. Asas perniagaan Keluarga Koh yang bertapak di Pulau Pinang mengambil keputusan untuk memindahkan perniagaan ke Taiwan atas faktor politik semasa. Perubahan zaman dan masa turut menyebabkan generasi keempat Keluarga Koo iaitu Koo Hsien Jung mengembangkan perniagaan di Taiwan pada tahun 1895 apabila tentera Jepun menawan dan bertapak di bandar Keelung¹, Taipei sebelum Perang Dunia Kedua.

Taiwan pada asalnya merupakan sebuah kawasan milik negara China. Walaupun begitu, negara China membentuk Republik Formosa pada 24 Mei 1895 dan pembentukan ini menandakan Taiwan diberikan secara rasmi kepada Jepun. Tindakan ini menyebabkan rakyat Taiwan membantah Dinasti Qing pada 25 Mei 1895. Negara China kemudian melantik Pegawai Pemantau, iaitu Tang Jingsong sebagai Gabenor Taiwan² tetapi bahagian utara Taiwan berada dalam keadaan hilang kawalan empat hari kemudian. Tang Jingsong telah meletak jawatan dan melarikan diri pulang ke China. Gabenor Taiwan Tang Jingsong³ pada tempoh tersebut berada dalam keadaan huru-hara di mana tenteranya telah melarikan diri. Kejadian merompak dan menyamun turut berlaku secara berleluasa. Pada masa yang sama, pedagang pada masa itu risau akan kepentingan mereka terjejas lalu mengusulkan supaya pihak Jepun menghantar kumpulan tentera untuk menenteramkan kumpulan anti tentera Jepun.

Koo Hsien Jung merupakan seorang peniaga yang bertapak di Taiwan. Beliau telah menawarkan diri ke Jepun untuk menghantar dokumen rasmi⁴ bagi menyampaikan hasrat para pedagang kepada pihak Jepun. Koo Hsien Jung kemudian berpeluang berjumpa dengan Gabenor Kabayama Sukenori melalui Jun Mizuno iaitu Ketua Urusan Am di Taiwan pada masa itu. Jepun kemudian memasuki ke Taiwan dengan jayanya dan Koo Hsien Jung secara sukarela menawarkan diri sebagai pemandu arah kepada pihak Jepun. Beliau kemudian bekerjasama dengan Li Chunsheng⁵ menyambut kemasukan tentera Jepun masuk ke bandar Taipei. Koo Hsien Jung juga menggunakan peluang yang sedia ada untuk mengembangkan perniagaannya seperti industri penghasilan dan penjualan gula, memperoleh hak menjual garam, pembukaan tanah, menjadi pengedar hak jualan tembakau, perniagaan import dan eksport, mengusahakan penternakan dan lain-lain.⁶ Oleh itu, Koo Hsien Jung yang asalnya

miskin kemudian melibatkan diri dalam pelbagai jenis aktiviti ekonomi di Taiwan dan akhirnya menjadi pedagang Cina yang kaya di Taiwan. Salah satu aktiviti yang dijalankan oleh keluarga Koo di Taiwan ialah memonopoli hak menjual garam.

Latar Belakang Keluarga Koo

Keluarga Koo pada asalnya berasal dari negara China dan merupakan suku Hokkien. Daerah Fukien tumpu terhadap aktiviti persatuan rahsia seperti *Tiandihui* (Heaven and Earth Society). *Tiandihui* merupakan sebuah persatuan rahsia yang bertujuan untuk menggulingkan Dinasti Manchu. Generasi pertama keluarga Koo iaitu Koh Lay Huan merupakan salah seorang orang Cina yang terlibat dalam aktiviti pemberontakan pada tempoh tersebut. Sarnia Hayes Hoyt dalam penulisannya turut menyatakan bahawa Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang, Koh Lay Huan pernah memberontak terhadap dinasti Manchu dan menentang mahkamah Manchu. Beliau kemudian menetap di Pulau Pinang dan bekerja sebagai peniaga, penanam dan peladang cukai.⁷

Koh terlebih dahulu singgah di selatan Siam. Koh mempunyai hubungan rapat dengan kerabat diraja Siam iaitu Penghulu Nakhon Srithammarat. Salah seorang anak perempuan Koh telah berkahwin dengan Penghulu Nakhon. Hubungan yang rapat dengan pembesar Siam membolehkan Koh sampai ke Tanah Melayu dengan mudah kerana Koh tertarik dengan perkembangan ekonomi di Pulau Pinang yang mendatangkan keuntungan lumayan. Koh kemudian beralih ke Kedah dan seterusnya sampai ke Pulau Pinang. Seterusnya, beliau tinggal di Kedah dan merupakan seorang tokoh yang dihormati oleh orang Melayu dan Cina. Koh seterusnya dilantik menjadi Kapitan Cina Kedah di Kuala Muda sehingga mendapat gelaran “Kapitan Che Wan”.⁸

Salah satu aktiviti ekonomi yang diusahakan oleh Keluarga Koh di Pulau Pinang ialah pajakan candu. Penulisan Kang Heejung yang bertajuk “*A study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19th Century*” membincangkan perhubungan antara pajakan cukai candu dan komuniti Cina di Pulau Pinang.⁹ Ekonomi orang Cina mencapai kejayaan pada awal abad ke-19 kerana pemodal Cina Pulau Pinang menjual candu kepada buruh-buruh lombong¹⁰ sehingga menyebabkan penagihan candu berlaku secara berleluasa. Penulisan ini membincangkan kedatangan imigran China ke Pulau Pinang dan dikaitkan dengan tokoh Cina seperti Koh Lay Huan dan Gan Ngoh Bee. Ladang candu juga menyumbang kepada hasil cukai di Pulau Pinang dan meningkat dari tahun ke tahun. Perdagangan tahunan candu di Pulau Pinang pada tempoh 1809-1819 adalah 1/3 daripada keseluruhan perdagangan. Selain itu, operasi ladang candu turut mengerakkan perniagaan lain yang berkaitan seperti rumah judi, arak, pajak gadai, dan rumah pelacuran. Kesemua aktiviti ini telah membawa keuntungan yang besar kepada peniaga Cina seperti Keluarga Koh di Pulau Pinang.

Sejarah Penglibatan Awal Keluarga Koo Dalam Perniagaan Di Pulau Pinang

Generasi pertama Keluarga Koo bermula dengan Koh Lay Huan. Beliau mula bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786. Pertapakan Keluarga Koh di Pulau Pinang dikaitkan dengan pembukaan Pulau Pinang sebagai pelabuhan antarabangsa.¹¹ Koh Lay Huan dilantik sebagai Kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang oleh Francis Light.¹² Beliau juga dikenali dengan beberapa nama panggilan seperti ‘Che Kay’ atau ‘Chewan’ oleh masyarakat tempatan. Kumpulan perintis seperti Koh Lay Huan mula menjalin hubungan dengan pihak British apabila tiba di Pulau Pinang. Beliau menghadiahkan Francis Light jala ikan pada 18 Julai

1786 iaitu pada hari kedua Francis Light dan kumpulannya mendarat di pulau tersebut.¹³

Koh Lay Huan dari Kedah telah membawa 500 orang Cina yang terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak untuk menetap di Pulau Pinang. Kedatangan Koh Lay Huan ke Pulau Pinang turut dikaitkan dengan kewujudan pelabuhan bebas. Beliau bersama beberapa orang India beragama Kristian kemudian menghadiahkan jala ikan kepada Francis Light.¹⁴ Langkah ini juga merupakan permulaan kepada hubungan kedua-dua tokoh ini. Francis Light seterusnya melantik beliau sebagai Kapitan Cina Pertama di Pulau Pinang. Menurut *Historical Personalities of Penang Committee*, Francis Light telah melantik Koh Lay Huan sebagai kapitan Cina yang pertama di Pulau Pinang secara rasminya pada Mei 1787.¹⁵ Perlantikan kapitan bertujuan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan kawasan setempat di samping menolong British dari segi pentadbiran.¹⁶

Che Kay merupakan suku Hokkien dan kegiatan ekonomi beliau di Pulau Pinang pada peringkat awal adalah melibatkan diri dalam penanaman lada. Penanaman lada secara besar-besaran akhirnya membawa kepada perniagaan eksport. Selain itu, keluarga Koh juga mendominasi pajakan cukai arak dan candu di Singapura pada tahun 1879.¹⁷ Perniagaan tersebut dilihat membawa keuntungan besar sehingga memberi peluang kepada keluarga Koh untuk mengumpul kekayaan. Keluarga Koh turut mengendalikan beberapa perniagaan lain seperti industri perkapalan, pembuatan, perniagaan import dan eksport di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, beberapa isu semasa telah berlaku seperti Perang Dunia Pertama (1914-1918) dan Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929. Kedua-dua isu politik ini telah menjejaskan perkembangan politik dan ekonomi di Negeri-negeri Selat termasuk negeri Pulau Pinang. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjejaskan perniagaan keluarga Koh di Pulau Pinang. Oleh itu, Keluarga Koh mengambil keputusan untuk memindahkan kawasan perniagaan keluarga mereka ke Taiwan.

Penghijrahan Keluarga Koo Ke Taiwan

Keluarga Koo memulakan asas perniagaan di Taiwan setelah perniagaan keluarganya mula merosot di Pulau Pinang. Strategi perniagaan Keluarga Koh di Pulau Pinang iaitu menjalin hubungan yang baik dengan pihak pemerintah semasa diteruskan semasa mereka berhijrah ke Taiwan. Kepandaian Keluarga Koh memanipulasikan hubungan akrab dengan pemerintah tempatan berjaya mempertahankan serta mengembangkan kegemilangan perniagaan keluarga mereka. Keluarga Koh di Taiwan bermula dengan zaman generasi keempat, iaitu Koo Hsien Jung. Keluarga Koo pada asalnya bertapak di Quanzhou, China. Mereka kemudian berhijrah ke Taiwan pada awal pemerintahan Maharaja Kangxi.¹⁸ Keluarga Koo di daerah Changhua mula bertapak di Taiwan pada tahun 1860-an dan kemudian mengembangkan perniagaan keluarga sewaktu pemerintahan Jepun.

Perniagaan keluarga Koo mula berkembang pada tahun 1895 apabila Jepun mengambil alih Taiwan daripada China.¹⁹ Koo Hsien Jung iaitu generasi keempat keluarga Koo telah menggunakan hubungan baik dengan pihak Jepun untuk mengembangkan perniagaan keluarganya. Pengaruh dan kuasa Koo Hsien Jung tidak terhenti dalam bidang ekonomi semata-mata malah beliau juga berpengaruh dalam bidang politik apabila menyandang beberapa jawatan penting dalam politik Taiwan. Sebagai contoh, Koo Hsien Jung dilantik sebagai Ketua Birokrasi Keselamatan Taipei pada tahun 1896. Beliau seterusnya dipilih menjadi ahli Majlis Perbandaran Pejabat Kerajaan Taiwan.²⁰ Rajah 1.1 merupakan gambar Koo Hsien Jung.



Rajah 1.1 Koo Hsien Jung

Sumber: Fail Keluarga Koo, Lu Gang, Lampiran 1: Gambar Koo Hsien Jung, The Archives of The Archives of Institute of Taiwan History.²¹

Legasi dan perniagaan keluarga Koo di Taiwan bermula secara rasmi apabila Jepun menjajah Taiwan pada tahun 1895. Bagaimanakah keluarga Koo menggunakan rangkaian, kuasa, pengaruh dan modal yang dimiliki untuk memonopoli hak menjual garam di Taiwan?

Monopoli Hak Menjual Garam Di Taiwan

Garam memainkan peranan penting dan digunakan secara meluas dalam kehidupan harian manusia sejak dahulu kala lagi. Garam mempunyai beberapa fungsi seperti merawat penyakit, sebagai perasa masakan dan bahan penting sebagai mineral untuk menyeimbangkan kesihatan badan. Selain itu, garam juga dapat mencantikkan kulit seperti dijadikan pupur muka, digunakan untuk lulur badan, mandian terapi, rawatan kelemumur dan berfungsi sebagai pemutih gigi.²² Kepentingan garam yang pelbagai ini secara tidak langsung mengembangkan industri penghasilan dan perniagaan garam. Komoditi ini menjadi penting sehingga ia diperdagangkan di beberapa tempat atau pelabuhan di seluruh dunia termasuk di kawasan benua Asia. Oleh itu, pelbagai pihak misalnya Keluarga Koo di Taiwan berusaha untuk memonopoli hak menjual garam di Taiwan dengan harapan dapat mengaut keuntungan yang lumayan.

Koo Hsien Jung, iaitu generasi keempat Keluarga Koo melibatkan diri dalam monopoli hak menjual garam di Taipei berbekalkan hubungan baiknya dengan pentadbir Jepun. Pada tahun 1899, Gabenor Kodama Gentaro mengumumkan peraturan jualan monopoli garam dan mengamanahkan Koo Hsien Jung untuk menguruskannya. Koo Hsien Jung pada tahun 1900 disyorkan menjadi Ketua Kesatuan Jualan garam dan menubuhkan pusat garam, cawangan garam dan penaja jualan garam. Koo Hsien Jung kemudian membangunkan tambak garam di Lugang sebanyak 247 hektar²³ pada September 1900. Peta 1.1 menunjukkan kawasan

Lugang di Taiwan. Garam di Taiwan mula dieksport ke luar negara dan tidak hanya dijual dalam negara. Eksport garam ke Jepun²⁴ secara besar-besaran telah membawa keuntungan yang lumayan kepada Koo Hsien Jung.



Peta 1.1 Peta Kawasan Lugang di Taiwan

Sumber: Peta Taiwan. Atas talian <https://ontheworldmap.com/taiwan/>.

Tarikh rujuk pada 20 Mei 2021.²⁵

Koo Hsien Jung kemudian mencadangkan kepada Goto Shinpei supaya mengadakan hak penjualan terhadap barangan tertentu untuk mengumpul kekayaan. Koo Hsien Jung seterusnya dilantik menjadi Ketua Pemborong Garam di Taiwan dan peruncit tembakau. Selain itu, Koo Hsien Jung juga diberi hak keistimewaan untuk menjual kayu-kayan, kapur barus, daun teh, dan penghasilan gula²⁶ sehingga menjadi pedagang yang kaya. Koo Hsien Jung juga menggunakan rangkaian dengan pentadbir Jepun untuk membuka tanah yang terbiar di kawasan Changhua. Jadi, penduduk tempatan yang menetap di kawasan tersebut dikehendaki membayar sewa kepada Koo Hsien Jung. Rajah 1.2 menunjukkan tempat penghasilan garam semasa penaklukan Jepun di Taiwan. Koo Hsien Jung juga pernah memaksa penduduk tempatan Changhua berpindah ke kawasan lain kerana ingin menggunakan tanah-tanah di

situ untuk memproses penghasilan garam dan menanam tebu.



Rajah 1.2 Tempat Penghasilan Garam Semasa Penaklukan Jepun Di Taiwan
Sumber: Tu Po Keng, “Wei Ri Jun Kai Cheng Men De Ta Wan Ren Gu Xian Rong Yi Sheng Ying Zhao De Li Shi Shen Si,” *DW News*, 12 Disember 2019.²⁷

Permohonan Koo Hsien Jung kepada Kerajaan Sotofuku Taiwan yang bertarikh 22 Ogos 1901 untuk membeli rumah garam telah diluluskan oleh Ketua Biro Monopoli Taiwan, Goto Shinpei pada 5 November 1901 dalam surat rasmi kumpulan Garam Kerajaan.²⁸ Permohonan Koo Hsien Jung untuk membina rumah garam juga disertakan surat rasmi yang mengandungi tiga perkara. Pertama, tempoh pembinaan rumah garam bermula dari 15 April 1901 dan akan siap dibina pada 30 Jun 1901. Perkara kedua ialah harga untuk membina rumah garam berjumlah 3,050 Yuan dolar.²⁹ Perkara ketiga yang dinyatakan berkaitan buku rasmi untuk membina rumah garam. Beberapa aspek yang terkandung dalam buku rasmi iaitu bahan pembinaan rumah garam, pintu keluar dan pintu masuk yang dibina dengan menggunakan buluh. Koo Hsien Jung sebagai orang yang bertanggungjawab di pusat jualan garam kerajaan diarahkan untuk membayar balik pinjaman terhadap pembelian bangunan kerajaan pada 8 September 1905.³⁰ Surat tersebut juga menjelaskan keluasan bangunan, tempat kediaman pegawai, pejabat urusan, dan bilik mandi.

Koo Hsien Jung kemudian mengemukakan petisyen kepada Ketua Biro Jualan Monopoli Taiwan Miyao Shunji pada 1 April 1908 di mana tanah di Penghua telah dimohon untuk menjadi gudang garam. Petisyen ini mengemukakan supaya tanah tersebut boleh dibina tempat kediaman.³¹ Selain itu, tarikh pinjaman tanah kerajaan tersebut telah berakhir pada 31 Mac 1908. Tanah tersebut akan digunakan bermula 8 September 1905 dan segala peraturan telah dipatuhi sepanjang tempoh penggunaan tanah. Walau bagaimanapun, Ketua Biro Monopoli Jualan Taiwan, De Zeng Ze You mengarahkan Koo Hsien Jung memulangkan tanah di Penghu pada 26 Disember 1910 kerana terdapat bangunan untuk menguruskan urusan garam di tanah tersebut.³² Tempoh masa yang diberikan untuk memulangkan tanah ialah sehingga 28 Disember 1910.

Pada 14 Mac 1911, Sakuma Samata mengeluarkan arahan bahawa permohonan penggunaan tanah No.232 untuk membina bangunan diluluskan dengan syarat mengemukakan dokumen kepada kerajaan.³³ Seterusnya, Sakuma Samata pada 5 Julai 1911 mengeluarkan arahan bahawa surat permohonan penggunaan tanah No.1680 oleh Biro Jualan Monopoli Taiwan bertarikh 10 Jun 1911 diluluskan dengan syarat mengemukakan dokumen rasmi kepada kerajaan.³⁴

Di samping itu, Koo Hsien Jung yang menguruskan jualan dan pengurusan garam kerajaan sememangnya tertakluk dengan arahan daripada Kerajaan Sotofuku. Surat arahan juga dikeluarkan pada 11 April 1920 yang menyatakan bahawa dokumen No.498 berkaitan pengurus pusat jualan garam kerajaan diarahkan untuk mematuhi peraturan jualan garam No.741 dalam buku arahan jualan garam.³⁵ Pertama, Koo Hsien Jung sebagai pengurus menjual garam berurusan terus dengan pembeli menggunakan harga yang murah. Selain itu, proses penghasilan garam meliputi pembungkusan dan pemindahan stok dari kawasan ke kawasan. Kesemua proses ini hendak mengira kosnya sekali. Kedua, tempat penghasilan garam di jalan belakang, Tataocheng boleh dibina gudang, memindahkan gudang dan menambah kemudahan-kemudahan di kawasan penghasilan garam. Ketiga, surat arahan juga menyatakan harga untuk jualan garam yang melebihi 100 kilogram. Selain itu, garam juga dibahagikan kepada garam gred premium dan gred biasa. Keempat, bayaran garam boleh dibayar dalam bentuk emas, barang jaminan atau mempunyai penjamin.³⁶ Sistem ini dilaksanakan oleh bank Taiwan sebagai cara pembayaran untuk pembelian garam.

Cabaran Yang Dihadapi

Dalam usaha memonopoli hak menjual garam, Keluarga Koo turut menghadapi beberapa cabaran. Walau bagaimanapun, cabaran yang dihadapi tidak menjadi batu penghalang kepada Keluarga Koo malah mereka tabah mengharungi segala cabaran yang dihadapi demi menjamin kelangsungan memonopoli hak menjual garam. Antara cabaran tersebut ialah seperti berikut;

Faktor Iklim


Salah satu cabaran yang dihadapi oleh Keluarga Koo sepanjang memonopoli hak menjual garam di Taiwan ialah cabaran iklim. Pada 8 September 1920, Ketua Biro Jualan Monopoli Taiwan, Kakuro Yuga Taro melaporkan bahawa pada 31 Ogos 1920 telah berlaku angin kencang dan hujan lebat sebanyak tiga hari. Oleh itu, gudang garam telah dibanjiri air akibat air melimpahi tebing sungai. Jadi, semua garam dalam gudang telah rosak. Jadual 1.1 menunjukkan jumlah garam yang rosak akibat angin kencang dan hujan lebat pada Ogos 1920. Sebanyak 10,690 kilogram garam gred tinggi, garam gred sederhana sebanyak 1,680 kilo dan garam gred rendah sebanyak 40,247 kilo telah musnah.³⁷ Selain itu, garam yang baharu dihasilkan iaitu garam gred tinggi sebanyak 3,380 kilo dan garam gred rendah sebanyak 269,060 kilo turut musnah. Oleh itu, keseluruhan garam yang musnah melebihi 320,000 kilo. Jadi, jelas ternyata bahawa aktiviti ekonomi keluarga Koo iaitu monopoli hak menjual garam turut berhadapan dengan cabaran apabila berlakunya kemusnahan garam akibat angin kencang dan hujan lebat.

Jadual 1.1 Jumlah Garam Yang Rosak Akibat Angin Kencang Dan Hujan Lebat Pada Ogos 1920

Bil.	Gred Garam	Jumlah Garam (Kilo)
1.	Tinggi	10, 690
2.	Sederhana	1, 680
3.	Rendah	40, 247

Sumber: No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 205, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.

Seterusnya, peratus garam yang rosak akibat angin kencang dan hujan lebat pada Ogos 1920 turut diterjemahkan dalam bentuk carta pai pada Rajah 1.3. Sebanyak 76.5% garam yang rosak merupakan garam gred rendah manakala 3.2% yang rosak ialah garam gred sederhana. Kerosakan garam gred tinggi pula sebanyak 20.3%.



Rajah 1.3 Peratus Garam Yang Rosak Mengikut Gred Akibat Angin Kencang dan Hujan Lebat Pada Ogos 1920

Sumber: No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 205, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.

Selanjutnya, Koo Hsien Jung pada 30 September 1920 telah mengemukakan surat kepada Ketua Biro Monopoli Taiwan, Kakuro Yuga Taro untuk meminjam kawasan untuk dijadikan gudang garam. Tiga kawasan yang dimohon oleh Koo Hsien Jung ialah Xin Ying di Tainan, Fan Zai Tian di Nantou dan Jalan Bahagian Bawah di Luzhu, Kaohsiung.³⁸ Kakuro Yuga Taro kemudian meluluskan permohonan tanah tersebut pada 20 Disember 1920 dengan melampirkan surat arahan No.808.³⁹

Oleh itu, jelas ternyata bahawa faktor iklim sememangnya menjejaskan monopoli hak menjual garam milik keluarga Koo di Taiwan. Thomas Sterry Hunt turut bersetuju bahawa keadaan cuaca yang lembap akan menjejaskan kualiti dan kuantiti penghasilan garam.⁴⁰ Jadi, hujan lebat dan angin kencang yang berlaku pada tahun 1920 telah menjejaskan penghasilan

garam di Taiwan. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap monopoli hak menjual garam keluarga Koo di mana stok garam tidak mencukupi. Perbincangan diteruskan dengan cabaran yang kedua iaitu harga garam yang tidak stabil.

Harga Garam Tidak Stabil

Selain daripada itu, cabaran kedua yang dihadapi oleh Keluarga Koo berkait dengan harga garam yang tidak stabil. Garam di Taiwan diselaraskan harganya pada 11 Oktober 1920 apabila Kerajaan Sotofuku menetapkan harga jualan garam mengikut jenis garam. Jadual 1.2 menunjukkan harga jualan garam yang diselaraskan pada 11 Oktober 1920 mengikut grednya. Garam yang dijual dibahagikan kepada tiga kategori iaitu garam gred tinggi, gred sederhana dan gred rendah. Garam gred tinggi sebanyak 1947 juta kilo dijual dengan harga 83 Yuan dolar (圆) 74 *Qian* (钱) 1 *Li* (厘) manakala garam gred sederhana 168 juta kilo dijual dengan harga 6 Yuan dolar 38 *Qian* 4 *Li*. Selain itu, garam gred rendah sebanyak 30.947 juta kilo dijual dengan harga 928 Yuan dolar 24 *Qian* 1 *Li*.⁴¹ Oleh itu, monopoli jualan garam ini telah mendatangkan pulangan yang lumayan kepada keluarga Koo.

Jadual 1.2 Harga Jualan Garam Yang Diselaraskan Pada 11 Oktober 1920 Mengikut Gred

Bil.	Gred Garam	Jumlah Garam (Juta Kilo)	Harga Jualan (Yuan Dolar/Qian/Li)
1.	Tinggi	1947	83 Yuan 74 Qian 1 Li
2.	Sederhana	168	6 Yuan 38 Qian 4 Li
3.	Rendah	30.947	928 Yuan 24 Qian 1 Li

Sumber: No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 202, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.

Arahan harta tanah rasmi menerangkan arahan No: 12483 iaitu tempat letak kereta di kawasan Fan Zai, Nantou boleh digunakan oleh Koo Hsien Jung dan dijadikan pusat jualan garam kerajaan apabila beliau membuat permohonan dengan kerajaan.⁴² Kerajaan Taiwan juga memperuntukkan bajet untuk subsidi kemusnahan garam sebanyak 30,253 Yuan dolar. Jadual 1.3 menunjukkan subsidi kemusnahan garam dan kos perbaharui yang diperlukan. Subsidi ini telah diagihkan kepada tiga kawasan penghasilan garam iaitu di Lugang, *North Gate* dan Anshun. Kawasan Lugang telah mendapat subsidi sebanyak 4,374 Yuan dolar manakala North Gate mendapat peruntukan tertinggi iaitu 22,366 Yuan dolar.⁴³ Selain itu, daerah Anshun pula mendapat subsidi 3,253 Yuan dolar. Walaupun begitu, kos untuk memperbaharui kawasan penghasilan garam di Lugang berjumlah 8,748 Yuan dolar dan kos memperbaharui di *North Gate* 44,733 Yuan dolar. Subsidi yang diberikan oleh kerajaan telah meringankan beban keluarga Koo di mana mereka dapat menjimatkan wang untuk memperbaharui kawasan penghasilan garam.

Jadual 1.3 Subsidi Kemusnahan Garam Dan Kos Perbaharui Yang Diperlukan

Bil.	Kawasan	Jumlah Subsidi (Yuan Dolar)	Kawasan	Kos Perbaharui Yang Diperlukan (Yuan Dolar)
1.	Lugang	4,374	Lugang	8,748
2.	North Gate	22,366	North Gate	44,733
3.	Anshun	3,253	Anshun	Tidak dinyatakan

Sumber: No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 17, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.

Jadi, harga garam yang tidak stabil kemudian diselaraskan oleh kerajaan Jepun di Taiwan. Keadaan ini serba sedikit menjejaskan monopoli hak menjual garam keluarga Koo kerana mereka terpaksa menjual garam mengikut harga yang ditetapkan oleh pihak pentadbir. Harga garam yang tidak menentu sememangnya merugikan keluarga Koo. Keadaan bertambah buruk apabila keluarga Koo terpaksa mengeluarkan sejumlah wang untuk membaiki kawasan kemusnahan garam.

Kos Membaiki Kawasan Kemusnahan Garam

Cabaran ketiga yang dihadapi oleh Keluarga Koo ialah memerlukan kos yang besar untuk membaiki kawasan kemusnahan garam. Kos untuk membaiki kawasan penghasilan garam di Lugang akibat kemusnahan turut dicatatkan di mana kos untuk membaiki kawasan penghasilan garam di Lugang berjumlah 8748 Yuan dolar dan 66 Sen. Kos pembaikan kawasan oleh syarikat penghasilan garam Da Feng Tuo Zhi berjumlah 7,763 Yuan dolar dan 58 Sen manakala kos pembaikan oleh syarikat penghasilan garam Lugang berjumlah 983 Yuan dolar dan 08 Sen.⁴⁴ Akaun tersebut turut mencatatkan sebanyak 10 bidang garam di Syarikat Penghasilan Garam Da Feng Tuo Zhi mengalami kemusnahan di mana tiga tanah mengalami kerosakan besar manakala tujuh tanah garam mengalami kerosakan sederhana besar. Selain itu, syarikat penghasilan garam Lugang juga mengalami kerosakan tanah di mana tanah garam pertama mengalami kerosakan sederhana manakala tanah garam ketiga mengalami kerosakan besar.

Merujuk kepada surat urusan garam No.3589, Ketua Urusan Garam dan Ketua Urusan Am telah mengeluarkan arahan pada 8 Oktober 1925 bahawa dokumen rasmi berkaitan pembaik pulih tanah garam akibat kemusnahan hendak dikemukakan kepada kerajaan.⁴⁵ Hujan ribut yang berlaku pada bulan Julai dan Ogos tahun 1925 telah memusnahkan tanah garam di kawasan Lugang. Kerajaan berharap tanah garam tersebut dapat dibaiki pulih dengan secepat mungkin dan subsidi akan diberikan oleh kerajaan untuk membantu membaik pulih tanah garam.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan keluarga Koo memerlukan modal tambahan untuk membaiki kawasan kemusnahan garam. Desakan kerajaan Jepun turut memberi tekanan kepada keluarga Koo di mana mereka dikehendaki membaiki tanah yang rosak dengan secepat mungkin. Walaupun begitu, subsidi yang diberikan oleh kerajaan telah membantu mengurangkan beban keluarga Koo sepanjang memonopoli hak menjual garam di Taiwan. Kesemua jenis subsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan Jepun di Taiwan mula terhenti pada tahun 1905.⁴⁶ Perbincangan diteruskan dengan isu penggunaan tanah.

Penggunaan Tanah

Isu penggunaan tanah juga dihadapi oleh Keluarga Koo di mana Koo Hsien Jung membuat permohonan pada 1 April 1925 untuk melanjutkan tempoh penggunaan tanah kerajaan yang dijadikan sebagai gudang garam rasmi kerajaan. Permohonan penggunaan tanah yang meliputi tempat letak kereta kawasan Xinying di Tainan, Fanzi Tian di Nantou dan Jalan Kaohsiung telah dijadikan sebagai gudang garam bermula 20 Disember 1920 melalui arahan No.808.⁴⁷ Tempoh penggunaan tanah telah tamat pada bulan Mac 1925. Oleh itu, Koo Hsien Jung mengemukakan permohonan kepada Ketua Biro Jualan Monopoli Taiwan, Uga Shiro supaya dapat melanjutkan tempoh penggunaan tanah kerajaan. Seterusnya, Gabenor Jeneral Taiwan, Takio Izawa pada 29 Jun 1925 meluluskan permohonan penggunaan tanah kerajaan dengan syarat mengemukakan dokumen permohonan dan melaporkan penggunaan tanah tersebut kepada kerajaan.⁴⁸

Oleh itu, jelas ternyata bahawa tanah di Taiwan bebas diusahakan untuk apa jua perniagaan namun keluarga Koo dikehendaki mengemukakan permohonan dan menunggu kelulusan tanah dari Gabenor Jeneral Taiwan dari masa ke masa. Pengendalian keluarga Koo dalam monopoli hak menjual garam akan tergendala sekiranya permohonan tanah yang dikemukakan tidak diluluskan oleh gabenor jeneral. Selain itu, tanah di Taiwan juga dikenakan cukai oleh pentadbir Jepun bagi membiayai elaun beras golongan tentera.⁴⁹ Jadi, keluarga Koo terpaksa membayar cukai tanah sekiranya ingin mengusahakan sebarang perniagaan yang melibatkan penggunaan tanah.

Kesimpulan

Kejayaan Keluarga Koo dalam mengembangkan serta mempertahankan monopoli hak menjual garam oleh Koo Hsien Jung sebelum Perang Dunia Kedua banyak bergantung pada dasar kerajaan. Peraturan yang ditetapkan oleh pihak pentadbir Jepun dan hubungan akrab beliau dengan Jepun secara tidak langsung membantu beliau memonopoli hak menjual garam di Taiwan dari masa ke masa. Dasar kerajaan iaitu permohonan tanah dan subsidi yang diberikan juga meringankan beban Koo Hsien Jung. Strategi perniagaan keluarga yang berjaya di Pulau Pinang telah dijadikan contoh dan teladan oleh Keluarga Koo apabila mereka mengalihkan perniagaan keluarga di Taiwan. Keadaan ini telah membantu Keluarga Koo mengumpul kekayaan melalui aktiviti ekonomi seperti memonopoli hak menjual garam. Seterusnya, keluarga tersebut menggunakan modal yang berlebihan untuk melibatkan diri dalam perniagaan lain seperti industri penghasilan gula, perdagangan candu, arak, tembakau dan industri penghasilan nanas dalam tin.

Selain itu, jawatan yang disandang oleh Koo Hsien Jung bukan sahaja membantu mengukuhkan pengaruhnya dalam bidang politik malah turut membantu dalam mengembangkan perniagaan keluarganya secara turun-temurun. Perniagaan keluarga Koo di Taiwan bukan sahaja terhenti pada penghasilan gula, menjadi pengedar candu, arak, tembakau, dan menanam nanas malah keluarga tersebut juga menjalankan perniagaan import dan eksport. Perniagaan keluarga Koo yang semakin berkembang pada zaman pemerintahan Jepun akhirnya membolehkan keluarga Koo menjadi lima keluarga terkaya di Taiwan. Kekayaan dan kuasa politik keluarga Koo telah diwarisi hingga kini. Selain itu, *Koos Group* turut tersenarai sebagai lima syarikat terbesar di Taiwan. Sungguhpun demikian ternyata bahawa pelbagai cabaran telah dihadapi oleh Keluarga Koo sepanjang memonopoli hak menjual garam di Taiwan sebelum Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, Keluarga

Koo berjaya mengharungi semua cabaran yang dihadapi dan mampu mempertahankan monopoli hak menjual garam yang dimiliki oleh keluarganya di Taiwan. Dapat disimpulkan bahawa Keluarga Koo telah menggunakan strategik perniagaan yang sama iaitu menjalin hubungan akrab dengan pemerintah untuk mengukuhkan perniagaannya. Strategik tersebut telah digunakan oleh Koh Lay Huan di Pulau Pinang dan kini digunakan semula oleh waris generasi keempat iaitu Koo Hsien Jung dalam usaha memonopoli hak menjual garam di Taiwan.

Penghargaan

Syukur kepada Tuhan kerana penulisan artikel ini berjaya disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak *The Archives of Institute of Taiwan History*, *The Institute of Qing History* di China, dan *National Central Library* di Taiwan kerana membenarkan saya merujuk bahan-bahan primer dan sekunder sepanjang menghasilkan artikel ini. Bahan yang diperoleh daripada agensi tersebut amat membantu dalam memantapkan lagi hasil penulisan ini. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang membantu dan menyokong saya dikurniakan kehidupan yang sihat sejahtera dan dimudahkan rezeki sepanjang hidup ini.

Nota

¹ Keelung adalah sebuah bandar berdekatan dengan Taipei di utara Taiwan. Kawasan Keelung dikelilingi oleh gunung-ganang dan terkenal sebagai kawasan pelabuhan terlindung. Kawasan Keelung juga mempunyai beberapa kubu seperti Kubu Ershawan atas bukit yang mempunyai meriam dan pintu kota ala-ala China. Selain itu, Kubu Gongzi Liao dan Kubu Dawulun boleh melihat seluruh pemandangan pelabuhan dan laut di sekitar kawasan Taipei.

² Zhao Zhi Ling, Presiden 10 hari Tang Jinsong bersama demokrasi Taiwan yang pendek, *Majalah Xin Ji Yuan*, Bil 457, 3 Disember 2015. (赵芷菱, 10 日总统唐景崧与短暂的台湾民主国, 新纪元杂志, 第457期, 3-12-2015).

³ Tang Jingsong merupakan pegawai kerajaan Qing dan dikerah menjadi pegawai pemantau di Taiwan. Beliau dilantik menjadi Gabenor Taiwan menerusi pembentukan Republik Famosa oleh rakyat bermula 25 Mei 1895. Jawatan beliau hanya kekal sebanyak 10 hari dan Republik Famosa telah dibubarkan setelah kalah dalam peperangan Itsubi Senso (29 Mei 1895 hingga 18 November 1895).

⁴ Dong Xin Feng, *Tokoh rentas selat: Peniaga nombor satu Taiwan Gu Chen Fu*, Er Xian Tang Wen Ku, China. (董新峰, 两岸人物: 台湾“头号红顶商人”辜振甫, 二闲堂文库, 中国。)

⁵ Li Chun Seng dilahirkan pada 12 Januari 1838 di Xiamen, Dearah Hokkien, China. Beliau merupakan seorang penganut Kristian serta digelar sebagai “Taiwan First Thinker”. Beliau merupakan pedagang yang kedua kaya di kawasan Taizhung dengan melibatkan diri dalam perdagangan teh dan minyak tanah. “Formosa Oolong Tea” yang diperdagangkan di pasaran Eropah membolehkan beliau dikenali sebagai “Bapa Daun Teh Taiwan”.

⁶ *Rencana Utama Lugang Keluarga Koo*, Pangkalan Data Taiwan Sotokufu, Taiwan Sotokufu Digital Archive.

⁷ Sarnia Hayes Hoyt, *Old Penang*, Oxford University Press, Singapore, 1991, hlm. 20.

⁸ Cheah See Kian, *The Chinese: Two hundred years in Penang*, Han Chiang College, Pulau Pinang, 2012, hlm. 31.

⁹ Kang Heejung, “A study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19th Century”, *Journal of Modern Education Review*, 5(4), 2015, hlm. 354.

¹⁰ Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor dan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, “Lukut: 1846-1864: Bandar terawal di Selangor”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*,

47(2), 2020, hlm. 181.

¹¹ Khoo Kay Kim, "Latar belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Bil. 1, 1971/1972, hlm. 19.

¹² Wong Choon San, *The gallery of Chinese Kapitans*, Ministry of Culture, Singapura, 1963, hlm.12.

¹³ Khoo Su Nin, *Streets of George Town, Penang*, Areca Books, Pulau Pinang, 1993, hlm. 64.

¹⁴ J. R. Logan, "Extracts from the journal of Captain F. Light", *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. 4, 1850, hlm. 629.

¹⁵ (t.p), *Historical personalities of Penang*, Historical Personalities of Penang Committee, Pulau Pinang, 1986, hlm. 82.

¹⁶ Chong Soon Fok, "Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 13, 1984/1985, hlm. 93.

¹⁷ John Butcher dan Howard Dick (ed.), *The rise and fall of revenue farming: Business elites and the emergence of the modern state in Southeast Asia*, St. Martin's Press, Inc, New York, 1993, hlm.96.

¹⁸ "Gu Xian Rong: Lugang Gu Jia Di Yi Dai Ji Dang Tai Hai Bai Yu Nian", *Ifeng News*, 22 Januari 2009.

¹⁹ Wang Jenn-Hwan dan Hsung Ray-May (ed.), *Rethinking social capital and entrepreneurship in greater China: Is guanxi still important?* Routledge, London and New York, 2016, hlm. 77.

²⁰ Lindy Yeh, "The Koo Family: A century in Taiwan", *Taipei Times*, 15 April 2002, hlm. 3.

²¹ Fail Keluarga Koo, Lu Gang, Lampiran 1: Gambar Koo Hsien Jung, The Archives of The Archives of Institute of Taiwan History.

²² Nurul Husna Mahmud, "Garam agen perawatan kulit", *Harian Metro*, 31 Julai 2021.

²³ Wang Jian Ming, *Keluarga politik dan perniagaan Taiwan*, Zhong Guo Yan Shi Chu Ban She, Beijing, 1997, hlm. 36. (王建民, 台湾政商家族, 中国言实出版社, 北京, 1997, 第36页.)

²⁴ Friederike Assandri dan Dora Martins, *from early Tang court debates to China's peaceful rise*, Amsterdam University Press, Amsterdam, 2019, hlm. 99.

²⁵ Peta Taiwan. Atas talian <https://ontheworldmap.com/taiwan/>. Tarikh rujuk pada 20 Mei 2021.

²⁶ Wu Mi Cha, *Lagenda Jalan Dihua*, Shi Bao Wen Hua Chu Ban Shi Ye You Xian Gong Shi, Taipei, 1984, hlm. 64. (吴密察, 迪化街传奇, 时报文化出版事业有限公司, 台北, 1984, 第64页.)

²⁷ Tu Po Keng, "Wei Ri Jun Kai Cheng Men De Ta Wan Ren Gu Xian Rong Yi Sheng Ying Zhao De Li Shi Shen Si," *DW News*, 12 Disember 2019.

²⁸ No File: TMB_02_02_024-Lampiran 26, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-34 jilid dua, The Archives of Institute of Taiwan History.

²⁹ No File: TMB_02_02_024-Lampiran 35, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-34 jilid dua, The Archives of Institute of Taiwan History.

³⁰ No File: TMB_02_02_088-Lampiran 70, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-41 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.

³¹ No File: TMB_02_01_026-Lampiran 177, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.

³² No File: TMB_02_01_026-Lampiran 168, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.

³³ No File: TMB_02_01_026-Lampiran 170, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.

³⁴ No File: TMB_02_01_026-Lampiran 204, Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.

³⁵ No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 30, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.

³⁶ No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 32, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.

- ³⁷ No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 205, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ³⁸ No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 55, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ³⁹ No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 56, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴⁰ Thomas Sterry Hunt, *Report on the Goderich salt region*, Dawson Bros, Montreal, 1870, hlm. 25.
- ⁴¹ No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 202, Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴² No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 4, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴³ No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 17, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴⁴ No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 18, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴⁵ No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 24, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴⁶ Murray A. Rubinstein, *Taiwan: A New History*, Routledge, New York, 2015, hlm. 210.
- ⁴⁷ No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 163, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴⁸ No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 175, Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- ⁴⁹ John Robert Shepherd, *Statecraft and political economy on the Taiwan frontier, 1600-1800*, Stamford University Press, California, 1993, hlm. 223.

Rujukan

- _____. 1986. *Historical personalities of Penang*. Pulau Pinang: Historical Personalities of Penang Committee.
- “Gu Xian Rong: Lugang Gu Jia Di Yi Dai Ji Dang Tai Hai Bai Yu Nian”. *Ifeng News*. 22 Januari 2009.
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor dan Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2020. “Lukut: 1846-1864: Bandar terawal di Selangor”, *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47, no. 2: 181.
- Assandri, F. dan Martins, D. 2019. *From early Tang court debates to China’s peaceful rise*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Butcher, J. dan Dick, H. (ed.). 1993. *The rise and fall of revenue farming: Business elites and the emergence of the modern state in Southeast Asia*. New York: St. Martin’s Press, Inc.
- Cheah, S. K. 2012. *The Chinese: Two hundred years in Penang*. Pulau Pinang: Han Chiang College.
- Chong, S. F. 1984/1985. “Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur,” *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 13: 93.
- Dong, X. F. (t.t). *Tokoh rentas selat: Peniaga nombor satu Taiwan Gu Chen Fu*. China: Er Xian Tang Wen Ku. (董新峰. 两岸人物: 台湾“头号红顶商人”辜振甫. 中国: 二闲堂文库.)

- Fail Keluarga Koo, Lu Gang*. Rajah 1: Gambar Koo Hsien Jung. The Archives of the Archives of Institute of Taiwan History.
- Hoyt, S. H. 1991. *Old Penang*. Singapore: Oxford University Press.
- Hunt, T. S. 1870. *Report on the Goderich salt region*. Montreal: Dawson Bros.
- Kang, H. 2015. "A study on Chinese community and opium farms in Penang in the 19th Century," *Journal of Modern Education Review* 5, no. 4: 354.
- Khoo, K. K. 1971/1972. "Latar belakang Sejarah Masyarakat India dan China di Tanah Melayu," *Jebat-Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 1: 19.
- Khoo, S. N. 1993. *Streets of George Town, Penang*. Pulau Pinang: Areca Books.
- Logan, J. R. 1850. "Extracts from the Journal of Captain F. Light," *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 4: 629.
- Medina, A. T. 1996. *Asian economic tigers: A Philippine comparison*. Lanham: University Press of America Inc.
- No File: TMB_02_01_026-Lampiran 168. 1911. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_01_026-Lampiran 170. 1911. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_01_026-Lampiran 177. 1911. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_01_026-Lampiran 204. 1911. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-44 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_02_024-Lampiran 26. 1901. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-34 jilid dua, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_02_024-Lampiran 35. 1901. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-34 jilid dua, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_02_088-Lampiran 70. 1908. Dokumen pemerintahan Meiji tahun ke-41 jilid satu, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 202. 1920. Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 205. 1920. Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 30. 1920. Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 32. 1920. Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 55. 1920. Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_09_1000-Lampiran 56. 1920. Akaun jilid 4 pemerintahan Taisho tahun ke-9, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 163. 1925. Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 17. 1925. Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 175. 1925. Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 18. 1925. Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.

- No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 24. 1925. Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- No File: TMB_02_10_0667-Lampiran 4. 1925. Akaun jilid 2 pemerintahan Taisho tahun ke-14, The Archives of Institute of Taiwan History.
- Nurul Husna Mahmud. "Garam agen perawatan kulit". *Harian Metro*. 31 Julai 2021.
- Peta Taiwan. 2021. Tarikh rujuk pada 20 Mei 2021. Atas talian <https://ontheworldmap.com/taiwan/>.
- Rencana Utama Lugang Keluarga Koo*. Pangkalan Data Taiwan Sotokufu. Taiwan Sotokufu Digital Archive.
- Rubinstein, M. A. 2015. *Taiwan: A new History*. New York: Routledge.
- Shepherd, J. R. 1993. *Statecraft and political economy on the Taiwan frontier, 1600-1800*. California: Stamford University Press.
- Soon Chin, Tan. (11-12 Oktober 2016). "Perkembangan dan pengekalan perniagaan orang Cina di Pulau Pinang, 1786-1920: Satu Tinjauan Dari Aspek Ekonomi". Prosiding persidangan nasional sejarah Melayu Kepulauan Melayu. Perak.
- Soon Chin, Tan. (7-9 April 2015). "Perkembangan pengumpulan modal oleh orang Cina di Pulau Pinang, 1786-1820". Proceedings of international conference on human sciences. Perak.
- Soon Chin, Tan. 2018. "Peranan tokoh Cina dalam pengumpulan modal di Pulau Pinang". *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil 46.
- Trocki, C. A. 2009. "Koh Seang Tat and the Asian opium farming business." Dlm. *Penang and its region: The story of an Asian entrepot*, disunting oleh Yeoh Seng Guan, Loh Wei Leng, Khoo Salma Nasution and Neil Khor, 213-223. Singapore: NUS Press.
- Tu, P. K. "Wei Ri Jun Kai Cheng Men De Ta Wan Ren Gu Xian Rong Yi Sheng Ying Zhao De Li Shi Shen Si". *DW News*. 12 Disember 2019.
- Wang, J. H dan Hsung, R. M. (ed.). 2016. *Rethinking social capital and entrepreneurship in greater China: Is guanxi still important?* London and New York: Routledge.
- Wang, J. H dan Hsung, R. M. (ed.). 2016. *Rethinking social capital and entrepreneurship in greater China: Is guanxi still important?* London and New York: Routledge.
- Wang, J. M. 1997. *Keluarga politik dan perniagaan Taiwan*. Beijing: Zhong Guo Yan Shi Chu Ban She. (王建民. 1997. 台湾政商家族. 北京: 中国言实出版社).
- Wong, C. S. 1963. *The gallery of Chinese Kapitans*. Singapura: Ministry of Culture.
- Wu, M. C. 1984. *Lagenda Jalan Dihua*. Taipei: Shi Bao Wen Hua Chu Ban Shi Ye You Xian Gong Shi. (吴密察. 1984. 迪化街传奇. 台北: 时报文化出版事业有限公司).
- Yeh, L. 2002. The Koo Family: A century in Taiwan. *Taipei Times*. 15 April: 3.
- Zhao, Z. L. "Presiden 10 hari Tang Jinsong bersama demokrasi Taiwan yang pendek". *Majalah Xin Ji Yuan*. Bil 457. 3 Disember 2015. (赵芷菱, "10 日总统唐景崧与短暂的台湾民主国". 新纪元杂志. 第457期. 3-12-2015) .